



PERKHIDMATAN feri percuma yang akan beroperasi 24 jam diperkenalkan buat pertama kali sempena perayaan Thaipusam.

## SEMPENA THAIPUSAM

# 50 jam khidmat feri percuma

**Butterworth:** Perkhidmatan feri ditawarkan secara percuma selama 50 jam bermula 12.01 tengah malam, 24 Januari sehingga 2 pagi, 26 Januari ini sempena perayaan Thaipusam akan datang.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berkata, perkhidmatan feri percuma yang akan beroperasi 24 jam diperkenalkan buat pertama kali sempena perayaan berkenaan.

"Kita menjangkakan ribuan pengunjung akan membanjiri Pulau Pinang sempena perayaan Thaipusam, jadi diharapkan perkhidmatan feri percuma dapat membantu memudahkan pergerakan rakyat.

"Ini amat memudahkan



*Kita jangka ribuan pengunjung akan membanjiri Pulau Pinang sempena perayaan Thaipusam"*

**Loke**

khususnya penduduk-penduduk di Seberang Perai untuk pergi ke bahagian pulau tanpa menggunakan kereta," katanya.

Terdahulu, Loke menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Perbadanan Aset Keretapi (RAC) dan Lembaga Perumahan Negeri Pulau

Pinang (LPNPP) bagi membangunkan Kampung Manis, di sini, semalam.

Beliau berkata, penumpang feri turut berpeluang menggunakan perkhidmatan bas perantara percuma yang beroperasi bermula 2 petang hingga 1 pagi, 24 Januari dan 5.30 pagi hingga 1 pagi pada 25 Januari menuju ke kawasan sekitar sambutan.

Katanya, inisiatif itu dapat menggalakkan penggunaan pengangkutan awam sekali gus mengurangkan masalah kesesakan trafik pada musim perayaan.

"Kita juga akan mengemukakan dari semasa ke semasa perkhidmatan percuma yang disediakan ketika perayaan utama lain," katanya.